

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BERTULIS

DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]

SOALAN

minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan apakah syarat-syarat operasi Lynas dan sama ada lesen operasi telah diluluskan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,
Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Lembaga Perlesenan Tenaga Atom (AELB) telah meluluskan permohonan Syarikat Lynas Malaysia Sdn. Bhd. (Lynas) untuk membaharui lesen bermula 3 Mac 2020 hingga 2 Mac 2023 tertakluk kepada syarat tambahan seperti berikut:-

- (i) Pemegang lesen hendaklah memulakan proses pembangunan Kemudahan Pelupusan Kekal (*Permanent Disposal Facility, PDF*) di lokasi bersesuaian pada tahun pertama dari tarikh kelulusan lesen setelah memenuhi keperluan perundangan yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan yang berkenaan. Kegagalan untuk memulakan pembinaan PDF dan mematuhi garis masa (*milestone*) pembinaan pada tempoh masa yang ditetapkan boleh menyebabkan lesen terbatal.
- (ii) Pemegang lesen hendaklah mengemukakan rancangan kemajuan kerja untuk pembinaan PDF dan melaporkan status

perkembangannya seperti yang ditetapkan oleh Lembaga. Lembaga berhak menyemak semula keputusan syarat lesen yang telah ditetapkan berdasarkan status kemajuan yang dicapai.

- (iii) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa PDF yang dibina hanya menempatkan residu *Water Leach Purification* (WLP) yang sedia ada dan sebarang residu WLP yang akan dihasilkan dari Lynas Advanced Material Plant (LAMP) sehingga Julai 2023.
- (iv) Pemegang lesen hendaklah memastikan bahawa loji *Cracking and Leaching* di luar negara beroperasi sebelum Julai 2023. Selepas tempoh tersebut, pemegang lesen tidak lagi dibenarkan untuk mengimport bahan mentah yang mengandungi bahan radioaktif semulajadi *Naturally Occurring Radioactive Material* (NORM) ke Malaysia.
- (v) Pemegang lesen hendaklah melantik pihak ketiga yang bebas (*Independent Third Party*) untuk melaksanakan penilaian berkala ke atas kemajuan pembinaan PDF dan pembinaan loji *Cracking and Leaching* dan mengemukakan laporan penilaian tersebut kepada Lembaga.
- (vi) Pemegang lesen tidak lagi dibenarkan menghasilkan residu WLP di Lynas Advanced Material Plant (LAMP) selepas pemindahan proses *Cracking and Leaching* ke Luar Negara.
- (vii) Pegangan wang cagaran akan dikekalkan bagi keperluan pematuhan syarat-syarat lesen yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN
DARIPADA : DR. LEE BOON CHYE [GOPENG]**

SOALAN NO. 221

DR. LEE BOON CHYE [GOPENG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilangan anggota KKM yang dijangkiti COVID-19 dan bilangan yang dijangkiti semasa merawat pesakit COVID-19 .

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sehingga 30 Jun 2020, seramai 363 orang anggota Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah dijangkiti COVID-19. Bilangan anggota KKM yang dijangkiti berpunca dari pesakit adalah seramai 67 orang iaitu 19% dari jumlah keseluruhan.

Sekian, terima kasih.